BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023



Kandungan

Prakata

Sorotan Penting

Ringkasan 11

Pekembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2023 17

Rencana: Inflasi Asas pada Terasnya 42

Rencana: Mengendalikan Kitaran Ekonomi: Interaksi antara Dasar Monetari dengan Dasar Fiskal 52

Prospek dan Dasar pada Tahun 2024 65

Rencana: Keperluan Pembaharun Pasaran Pekerja di Malaysia: Cabaran dan Peluang 79

Rencana: Ringgit dalam Perspektif 93

Tambahan

Prakata

Ekonomi Malaysia terus mempamerkan kekukuhan dan daya tahan pada tahun 2023. Meskipun dalam keadaan persekitaran luaran yang mencabar, ekonomi berkembang sebanyak 3.7%. Pertumbuhan ini disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, sektor pelancongan yang semakin pulih dan pasaran pekerja yang semakin baik. Kita juga menyaksikan inflasi keseluruhan dan inflasi teras beransur-ansur menjadi sederhana dan kembali ke paras purata jangka panjang masing-masing. Kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang dibuat secara lebih awal dan terkawal pada tahun 2022 dan 2023 telah membantu mengekalkan keseimbangan yang baik antara menyokong pertumbuhan dengan menguruskan tekanan inflasi.

Bagi tahun 2024, terdapat ruang untuk berasa optimistik meskipun persekitaran luaran kekal sangat tidak menentu. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4% hingga 5%. Pertumbuhan ini akan disokong oleh permintaan luaran yang bertambah baik, susulan pemulihan perdagangan global, dan peningkatan kitaran teknologi yang memberikan sinar harapan kepada Malaysia berikutan peranan penting negara dalam rantaian bekalan semikonduktor. Hal ini akan memberikan kesan limpahan positif terhadap eksport dan pengeluaran negara. Sementara itu, sektor pelancongan di Malaysia akan memperoleh manfaat daripada sektor pelancongan global yang dijangka pulih ke tahap sebelum pandemik.

Selain permintaan luaran yang lebih menggalakkan, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik berikutan pemulihan berterusan dalam sektor berkaitan dengan pelancongan, serta aktiviti pengeluaran dan perdagangan yang lebih tinggi. Penampan kewangan yang berterusan dalam kalangan isi rumah juga akan menyokong perbelanjaan, manakala langkah dasar bersasar akan membantu isi rumah yang mudah terjejas. Sementara itu, pertumbuhan pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan merentas sektor awam dan swasta, di samping inisiatif pemangkin di bawah pelan induk strategik seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR).

Namun begitu, Bank Negara Malaysia (BNM) menyedari terdapat risiko pertumbuhan menjadi perlahan. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia akan terkesan oleh perkembangan ekonomi global. Kadar faedah yang berlarutan tinggi, terutamanya dalam ekonomi maju, mampu menjejaskan pertumbuhan global. Konflik geopolitik yang semakin meruncing boleh menjejaskan perdagangan global, seterusnya melembapkan perdagangan dan pengeluaran Malaysia. Meskipun begitu, asas-asas ekonomi Malaysia akan membolehkan kita menghadapi cabaran getir ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga peluang bagi prospek pertumbuhan Malaysia. Peluang ini termasuk limpahan positif daripada peningkatan kitaran teknologi global, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh dan pelaksanaan projek pelaburan sedia ada dan baharu yang lebih pantas.

BNM menjangkakan inflasi teras dan inflasi keseluruhan kekal sederhana berlatarkan keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal. Risiko kenaikan inflasi berpunca daripada pendorong luaran seperti ketegangan geopolitik dan gangguan cuaca yang memberikan kesan terhadap harga komoditi global, serta perubahan pada dasar dalam negeri yang berkaitan dengan subsidi dan kawalan harga. Walaupun rasionalisasi subsidi mungkin memberikan implikasi jangka pendek terhadap pertumbuhan dan inflasi, strategi pelaksanaan yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik bersama-sama dengan bantuan tunai bersasar akan membantu mengurangkan kesan ini.

Dasar monetari BNM akan terus berpaksikan masa hadapan dengan tumpuan diberikan pada trajektori pertumbuhan dan inflasi. Pendekatan kami terhadap dasar monetari akan terus berpandukan data dan sedia untuk bertindak balas terhadap perubahan landskap ekonomi. Dalam konteks senario kejutan bekalan, contohnya yang berkait dengan rasionalisasi subsidi, amat penting untuk kesan jangka pendek terhadap inflasi dan pertumbuhan dibezakan daripada potensi kesan jangka panjangnya. Apabila pelarasan harga relatif bersifat sementara dan dijangka kembali ke paras lazim dalam tempoh masa yang munasabah, keadaan ini mungkin tidak memerlukan tindak balas dasar monetari. Sebaliknya, mungkin akan timbul keadaan yang memerlukan tindakan dasar monetari untuk memastikan prospek jangka sederhana

bagi kestabilan harga dan pertumbuhan mampan tidak terancam. Hal ini boleh berlaku apabila kenaikan harga menjadi meluas dan berlarutan dengan ketara. Keadaan ini juga boleh terjadi apabila timbulnya tanda-tanda bahawa jangkaan inflasi menjadi tidak menentu dan menjurus kepada lingkaran inflasi upah (*wage-price spiral*), atau apabila bantuan tunai yang mengiringi kejutan bekalan dijangka mengakibatkan permintaan yang berlebihan. Inflasi yang berterusan tinggi dalam keadaan sebegini akan mengakibatkan situasi semakin tidak pasti dan terus menghakis kuasa beli. Hal ini seterusnya menjejaskan pertumbuhan penggunaan dan pelaburan. Pokoknya, sebelum merumuskan sebarang tindak balas dasar monetari, BNM akan menilai dengan teliti kesan rasionalisasi subsidi terhadap sejauh mana kenaikan harga berleluasa dan berterusan, serta implikasinya terhadap pertumbuhan.

Dalam pasaran pertukaran asing, pergerakan ringgit dalam jangka masa panjang adalah berteraskan asas ekonomi negara. Namun, faktor jangka pendek seperti perbezaan kadar faedah, perkembangan geopolitik serta turun naik dalam kegiatan ekonomi dan sentimen dalam negeri dan global boleh menyebabkan nilai ringgit menyimpang daripada nilai saksamanya. Perkara inilah yang berlaku baru-baru ini apabila peristiwa pada peringkat global mempengaruhi ringgit dengan ketara. Seiring dengan mata wang serantau lain, ringgit mengalami tekanan penurunan nilai disebabkan terutamanya oleh dasar monetari yang diketatkan secara agresif di ekonomi maju. Situasi ini berlarutan hingga tahun 2023, didorong oleh peningkatan lanjut kadar faedah global, kelembapan ekonomi China, dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Meskipun kebanyakan negara maju dan beberapa negara serantau menaikkan kadar faedah secara agresif, BNM mengekalkan kenaikan OPR yang lebih beransur-ansur. Langkah ini lebih sesuai dengan keadaan negara iaitu tekanan harga dan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana berikutan pelarasan semula dasar monetari secara awal.

Berdasarkan faktor-faktor ini, BNM yakin bahawa pergerakan ringgit sejak kebelakangan ini tidak mencerminkan asas ekonomi Malaysia atau prospek ekonomi negara yang positif. Berikutan kitaran pengetatan dasar monetari global mungkin telah mencapai tahap tertinggi, pasaran kewangan menjangkakan tekanan terhadap ringgit akan berkurang. Namun, keadaan pada masa hadapan masih tidak menentu. Sedikit sebanyak, kita mungkin melihat jangkaan pasaran yang berubah dan berbeza berhubung dengan trajektori dasar monetari di ekonomi maju. Hal ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap ringgit. Sehubungan dengan itu, BNM sedar bahawa ringgit yang berterusan dinilai di bawah tahap saksamanya boleh mengakibatkan kesan yang kekal terhadap ekonomi jika tidak ditangani.

Oleh yang demikian, tindakan secara kolektif amat diperlukan untuk melindungi nilai ringgit. BNM komited untuk memainkan peranannya dalam usaha mengekalkan keyakinan terhadap ringgit. Bagi mencapai tujuan ini, BNM telah bekerjasama dengan Kerajaan untuk meningkatkan aliran masuk yang akan membolehkan nilai ringgit mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia dengan sewajarnya. Dalam hal ini, Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan telah digalakkan untuk membawa balik pendapatan pelaburan asing dan menukarkannya kepada ringgit secara konsisten. Selanjutnya, BNM telah mempertingkatkan libat urus dengan pengeksport dan pelabur antarabangsa untuk terus menggalakkan penukaran mata wang dan menekankan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Pada masa yang sama, BNM kekal komited untuk mengekalkan keadaan pasaran kewangan domestik yang teratur menerusi operasi mudah tunai dan pertukaran asing, sambil terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kecekapan, mudah tunai dan kebolehcapaian pasaran. BNM juga akan terus menyediakan persekitaran yang menggalakkan pelabur antarabangsa untuk melabur di Malaysia. Fleksibiliti lindung nilai dinamik terus tersedia untuk pelabur, lalu membolehkan mereka mengambil kedudukan dan pada masa yang sama melindungi pelaburan mereka.

Sektor swasta juga perlu memainkan peranannya. Menerusi tumpuan yang dipertingkatkan terhadap pelaburan domestik, sektor korporat Malaysia mampu menjadi sebahagian daripada usaha negara ke arah bidang pertumbuhan transformasi utama, terutamanya dalam sektor bernilai tinggi dan dipacu inovasi. Kita juga memerlukan perniagaan untuk melabur dan meningkatkan kemahiran dan inovasi, sambil mengikuti trend global seperti penekanan yang semakin meningkat terhadap kelestarian, yang dijangka akan memberikan kesan terhadap rantaian pengeluaran global, perdagangan dan pelaburan, serta teknologi. Jika kita melaksanakan usaha ini dengan betul, sebagai sebuah negara,

Malaysia akan berupaya meningkatkan produktiviti dan memperkukuh asas-asas ekonomi kita. Kemudiannya, kita akan mampu mencapai kekukuhan yang lebih berterusan dalam ringgit serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih kukuh dan lebih berdaya saing.

Selain itu, trajektori pertumbuhan yang lebih baik dan inflasi yang sederhana memberikan peluang kepada Malaysia untuk mempercepat dasar struktur utama untuk menangani cabaran pada masa hadapan. Perkara ini termasuk menggalakkan pelaburan berkualiti ke arah aktiviti bernilai tinggi dan masa depan yang bebas karbon, serta menangani isu struktur lama seperti ketidakpadanan dalam pasaran pekerja dan jurang perlindungan sosial. Penting juga untuk kita mengekalkan momentum ke arah kemampanan fiskal pada jangka panjang. Usaha Kerajaan untuk memperuntukkan semula sumber fiskal daripada subsidi menyeluruh kepada bantuan bersasar bagi isi rumah mudah terjejas adalah perlu untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan kerajaan. Penjimatan yang dihasilkan boleh disalurkan semula kepada kaedah lain yang berkesan untuk meningkatkan kebajikan orang ramai. Kesemua pembaharuan ini akan memperkukuh potensi pertumbuhan dan daya saing negara, lantas meningkatkan lagi keyakinan terhadap prospek ekonomi Malaysia. Prospek yang lebih baik dan sentimen pelabur yang lebih positif terhadap ekonomi negara juga akan membantu mengukuhkan lagi nilai ringgit serta memastikan nilainya mencerminkan asas ekonomi dalam negeri yang kukuh secara wajar.

Sektor kewangan akan terus memainkan peranan penting untuk menyokong ekonomi Malaysia. BNM komited untuk memastikan sektor kewangan yang stabil dan berdaya tahan, sekali gus menyediakan asas yang kukuh untuk membiayai pertumbuhan masa hadapan. Pada masa yang sama, BNM akan terus meningkatkan usaha untuk menyelaraskan persekitaran pembiayaan sejajar dengan perubahan keperluan ekonomi. Perkara ini termasuklah inisiatif strategik yang berterusan untuk memajukan kewangan berasaskan nilai, serta mengukuhkan daya tahan iklim sektor kewangan dan peranannya sebagai pemangkin dalam menyokong adaptasi Malaysia kepada perubahan iklim dan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari. BNM juga akan terus memberikan sokongan pada usaha berterusan untuk mendigitalkan kewangan, terutamanya untuk memastikan persekitaran bagi perkhidmatan kewangan digital yang selamat dan terkawal dengan baik.

Dalam kita menuju ke hadapan, kesepaduan antara dasar monetari, kewangan, fiskal dan struktur akan menjadi penting untuk memupuk pertumbuhan yang mampan dan kestabilan kewangan. Apabila pembaharuan dilaksanakan, reka bentuk dan penjujukan yang teliti akan membolehkan pelengkap dasar dioptimumkan merentas dasar makroekonomi dan struktur. Kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini memerlukan kerjasama erat dalam kalangan perumus dasar untuk mengelakkan kesilapan dasar, dan pada masa yang sama memastikan komunikasi yang berkesan dengan orang ramai.

Kami berhati-hati namun masih yakin bahawa tahun ini akan menjadi tahun yang baik. Namun untuk melindungi masa hadapan kita pada tahun-tahun mendatang, inilah masanya untuk Malaysia melaksanakan pembaharuan struktur yang amat penting. Menerusi tindakan yang tegas dan secara kolektif, pemulihan ekonomi Malaysia yang menggalakkan sejak pandemik COVID-19 setakat ini boleh diperkukuh menjadi kesejahteraan jangka panjang. Semestinya akan ada kesukaran sewaktu peralihan, namun kesemua pembaharuan ini merupakan pelaburan untuk masa hadapan kita dan untuk generasi yang akan datang.



Abdul Rasheed Ghaffour
20 Mac 2024

Sorotan Penting
Perkembangan dan Prospek Ekonomi

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4% hingga 5% pada tahun 2024

Pertumbuhan KDNK benar (Perubahan tahunan, %)



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pendorong utama pertumbuhan pada tahun 2024 (Perubahan tahunan, %)



Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan permintaan luaran yang bertambah baik

Pendorong utama pertumbuhan

Pengembangan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah
Pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi dan pengembangan guna tenaga yang berterusan

Peningkatan dalam pelaburan
Disokong oleh projek berbilang tahun yang baharu dan sedang dilaksanakan serta pelaksanaan pelan induk negara

Pemulihan aktiviti perdagangan barangan
Perdagangan global kembali pulih berikutan peningkatan kitaran teknologi

Ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi

Risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi

- **Limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi**
- **Aktiviti pelancongan yang lebih giat**
- **Pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas**

Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan

- **Permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan**
- **Konflik geopolitik yang terus meruncing**
- **Penurunan yang lebih besar dalam pengeluaran komoditi**

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2% hingga 3.5% pada tahun 2024

Inflasi Keseluruhan



Inflasi Teras



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Risiko kepada prospek inflasi

Harga yang lebih tinggi selepas pelarasan subsidi dan kawalan harga

Kos input yang lebih tinggi berikutan perkembangan kadar pertukaran

Harga komoditi global yang lebih tinggi

Harga komoditi yang lebih sederhana berikutan pertumbuhan ekonomi global yang lebih lemah

Sorotan Penting
Rencana

Inflasi asas pada Terasnya

Pada tahun 2023, pelbagai ukuran inflasi asas menunjukkan trend menurun mencerminkan disinflasi yang menyeluruh

Inflasi pada 2023 (Perubahan Tahunan, %)



1 Inflasi keseluruhan **boleh dipengaruhi oleh turun naik harga bersifat sementara** yang mempengaruhi subset kecil barangan

2 Hal ini mendorong penggunaan **ukuran inflasi asas yang memberikan isyarat yang lebih jelas** mengenai trend harga umum:

- a **Trend menaik dalam inflasi asas** mencerminkan bahawa permintaan yang kukuh dan kos yang lebih tinggi telah mendorong tekanan harga secara am dari tahun 2022 sehingga separuh pertama tahun 2023
- b **Penurunan selepas itu** mencerminkan disinflasi menyeluruh merentas kumpulan IHP berikutan permintaan yang semakin stabil dan kos yang sederhana

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Mengendalikan Kitaran Ekonomi: Interaksi antara Dasar Monetari dengan Fiskal

Pendekatan yang seimbang terhadap dasar monetari dan fiskal memastikan hasil makroekonomi yang optimum

Alat dasar kitaran balas



Hasil pendekatan yang seimbang

1 **Memelihara kestabilan makroekonomi**

2 **Memaksimumkan keberkesanan setiap dasar**

3 **Mengelakkan bebanan yang berlebihan terhadap dasar**

Pembaharuan untuk memudahkan interaksi dasar yang lancar:

Dasar monetari: Memperkukuh pengawasan terhadap dinamik inflasi dan transmisi dasar serta mengukuhkan pemahaman tentang perubahan struktur

Dasar fiskal: Memantapkan amalan dasar menggunakan penunjuk ekonomi yang kukuh dan komitmen yang teguh terhadap pembaharuan fiskal

Pembaharuan struktur: Mempertingkatkan potensi dan daya tahan pertumbuhan dengan memperteguh tenaga kerja untuk masa hadapan, pembaharuan perlindungan sosial dan peralihan kepada ekonomi hijau

Sorotan Penting
Rencana

Keperluan Pembaharuan Pasaran Pekerja di Malaysia: Cabaran dan Peluang

Pembaharuan pasaran pekerja yang menyeluruh dan strategik adalah penting untuk membangunkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan menjamin pertumbuhan yang mampan

Trend mega utama akan memberikan cabaran dan peluang...	...memerlukan pembaharuan pasaran pekerja yang segera dan menyeluruh
Kemajuan teknologi	**1** **Menangani ketidakpadanan kemahiran** *Kerjasama antara Kerajaan, ahli akademik & industri untuk memantapkan pendidikan dan latihan*
Penyusunan semula rantaian bekalan	**2** **Meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk masa hadapan** *Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk tenaga kerja yang tangkas*
Peralihan hijau	**3** **Mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi** *Menggalakkan penggunaan teknologi secara meluas dan pelaburan berkualiti tinggi*
Populasi yang semakin berusia	**4** **Merangka dasar pekerja asing yang sejajar dengan keperluan pembangunan** *Mengurangkan pekerja asing berkemahiran rendah serta menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi*
	5 **Pampasan yang adil dan perlindungan sosial untuk pekerja** *Memantapkan dasar gaji sedia ada dan menambah baik perlindungan sosial*

Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada tahun 2023

Pada tahun 2023, pertumbuhan global menjadi perlahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar: Pertumbuhan ekonomi global menurun kepada 3.1% (2022: 3.5%). Penyumbang utama kepada keadaan ekonomi ini ialah dasar monetari yang ketat dan inflasi yang tinggi. Kesan faktor-faktor ini dikurangkan sebahagiannya oleh pertumbuhan upah yang kukuh dan sokongan pengeluaran daripada simpanan yang berlebihan. Pertumbuhan China kembali pulih seketika pada awal tahun 2023 berikutan pembukaan semula ekonominya selepas pandemik COVID-19. Pemulihan itu agak singkat kerana kegiatan ekonomi terjejas akibat kemerosotan pasaran harta tanah dan permintaan luaran yang lebih perlahan. Sementara itu, ekonomi maju mengalami prestasi pertumbuhan yang agak bercampur-campur. Amerika Syarikat (AS) mendapat manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang kukuh dalam keadaan pasaran pekerja yang ketat, manakala kawasan euro mengalami kelembapan disebabkan harga tenaga yang tinggi dan pertumbuhan pendapatan benar yang lemah. Tekanan perbankan di AS dan Eropah pada awal tahun 2023 menimbulkan kebimbangan mengenai risiko penularan yang lebih meluas, sekali gus mendorong tindak balas yang cepat daripada bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan untuk membendung kesannya. Yang amat ketara, pertumbuhan perdagangan global merosot kepada 0.4% (2022: 5.2%) berikutan keadaan permintaan yang lemah, penurunan kitaran teknologi global, pembetulan inventori dan peralihan perbelanjaan (*spending rotation*) daripada barangan kepada perkhidmatan yang berterusan. Walau bagaimanapun, permintaan yang lemah di samping pembukaan semula ekonomi membolehkan keadaan rantaian bekalan kembali ke paras sebelum pandemik, manakala pemulihan aktiviti pelancongan global sebahagiannya mengimbangi perdagangan barangan yang menurun.

Inflasi keseluruhan global menurun tetapi kekal tinggi: Inflasi keseluruhan global menurun disebabkan oleh harga komoditi yang lebih rendah dan keadaan rantaian bekalan yang kembali normal. Peningkatan pengeluaran dari negara-negara bukan ahli Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) membantu mengimbangi tekanan menaik kepada harga minyak akibat daripada konflik Timur Tengah dan pengurangan pengeluaran OPEC+. Walaupun inflasi keseluruhan menurun, inflasi teras kekal tinggi dan berterusan. Keadaan ini mendorong bank-bank pusat untuk terus mengetatkan dasar monetari, meskipun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan tahun 2022. Berbanding dengan ekonomi maju, inflasi dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun menurun dengan lebih cepat dan kembali kepada purata jangka panjang. Keadaan ini disebabkan oleh tekanan permintaan yang lebih rendah dan pasaran pekerja yang kurang ketat.

Keadaan kewangan global didorong terutamanya oleh jangkaan haluan kadar dasar yang berubah-ubah bagi ekonomi utama: Pasaran kewangan global mengalami volatiliti yang ketara merentas kelas aset kerana jangkaan pasaran berbeza daripada perumus dasar mengenai kadar dan tahap pengetatan dasar monetari, terutamanya dalam ekonomi maju. Keyakinan awal terhadap pemulihan China berkurang. Pasaran terjejas berikutan tekanan sektor perbankan yang dicetuskan oleh kegagalan bank-bank di AS dan Switzerland. Kebimbangan mengenai kemelesetan mula timbul dan menyebabkan pembetulan pasaran saham global. Di samping itu, perbezaan prospek ekonomi antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun menyebabkan haluan kadar faedah global yang tidak selaras. Keadaan ini menyebabkan kadar hasil bon yang lebih tinggi, keadaan kewangan menjadi ketat dan tekanan yang ketara terhadap mata wang pasaran sedang pesat membangun. Ketegangan geopolitik di Timur Tengah menambahkan lagi ketidakpastian, namun data inflasi AS yang lebih sederhana meredakan keadaan kewangan berikutan jangkaan pemotongan kadar pada masa akan datang oleh AS.

Pasaran kewangan domestik terjejas oleh keadaan luaran tetapi limpahan adalah terkawal: Pasaran

kewangan Malaysia mengalami peralihan sentimen pelabur yang disebabkan terutamanya oleh faktor luaran lantas menyebabkan volatiliti, terutamanya melalui turun naik kadar pertukaran. Pergerakan pasaran bon secara amnya mengikuti trend global manakala aliran masuk bukan pemastautin ke dalam bon domestik mencerminkan keyakinan terhadap kualiti kredit Kerajaan Malaysia. Sebaliknya, prestasi pasaran ekuiti terjejas oleh penurunan minat pelabur terhadap aset berisiko berikutan persekitaran kadar faedah global. Walau bagaimanapun, faktor dalam negeri yang bertambah baik susulan kestabilan politik dan pengumuman pelan-pelan ekonomi utama telah meningkatkan semula prospek. Ringgit menurun nilai berbanding dolar AS dan rakan dagang utama lain disebabkan terutamanya oleh kenaikan kadar dasar yang agresif oleh bank-bank pusat utama. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran kewangan kekal teratur disebabkan oleh pasaran kewangan yang luas dan sistem perbankan yang kukuh. Perkara ini disokong oleh keperluan kehematan sedia ada bagi peminjaman luaran serta mudah tunai dan operasi pertukaran asing oleh BNM.

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 2023 meskipun menghadapi rintangan luaran: Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.7% walaupun menghadapi cabaran yang berpunca daripada permintaan luaran yang lemah, gangguan dalam pengeluaran komoditi dan kos sara hidup yang lebih tinggi. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan dalam aktiviti pelancongan. Dalam segi faktor luaran, eksport merosot disebabkan permintaan global yang lemah, harga komoditi yang lebih rendah dan peralihan ke arah perbelanjaan perkhidmatan. Selain itu, keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik serta langkah-langkah dasar yang memberikan sokongan telah membantu perbelanjaan isi rumah, terutamanya dalam kalangan isi rumah yang mudah terjejas oleh kos sara hidup yang lebih tinggi. Perbelanjaan modal sektor swasta memacu aktiviti pelaburan keseluruhan, terutamanya dalam subsektor teknologi maklumat serta elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E). Selaras dengan prestasi perdagangan luar, pertumbuhan industri berorientasikan eksport menjadi sederhana sedikit. Walau bagaimanapun, semua sektor terus berkembang pada tahun 2023.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menjadi sederhana pada tahun 2023: Inflasi keseluruhan menurun pada tahun 2023 iaitu berpurata pada 2.5% (2022: 3.3%), disebabkan terutamanya oleh inflasi makanan, minuman bukan alkohol dan bahan api yang lebih rendah. Beberapa langkah rasionalisasi subsidi diperkenalkan, iaitu melalui semakan semula tarif bekalan elektrik dan penamatan had harga tertinggi (*price ceiling*) bagi ayam. Kesan terhadap inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) agak lemah memandangkan wajaran barangan ini yang agak kecil dalam kumpulan IHP. Selain itu, tekanan menaik terhadap harga import daripada pengukuhan berterusan dolar AS berbanding ringgit diimbangi oleh persekitaran kos global yang menjadi lebih sederhana. Kawalan harga sedia ada dan subsidi terhadap barangan perbelanjaan utama serta amalan penetapan harga syarikat yang agak stabil juga sebahagiannya mengurangkan kesan pindahan kadar pertukaran. Sementara itu, inflasi teras berpurata pada 3% (2022: 3%). Kadar disinflasi yang lebih beransur-ansur disebabkan sebahagiannya oleh tekanan permintaan yang berterusan, terutamanya pada separuh pertama tahun 2023. Inflasi teras terus menjurus kepada purata jangka panjangnya pada separuh kedua tahun itu. Secara keseluruhan, tekanan harga pada amnya kurang meluas pada sepanjang tahun 2023. Bahagian barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan menunjukkan trend yang lebih rendah, menghampiri tahap purata jangka panjang masing-masing.

Dasar monetari terus kembali ke paras wajar dalam keadaan prospek pertumbuhan dalam negeri yang berdaya tahan: Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%, menandakan penamatan sepenuhnya rangsangan monetari yang diperkenalkan pada tahun 2020 yang bertujuan menggalakkan pemulihan ekonomi daripada pandemik. Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan OPR pada dua mesyuarat pertama tahun 2023 untuk menilai kesan pelarasan sebelumnya, dengan mengambil kira potensi risiko keadaan monetari yang terlalu ketat. Seterusnya, pada bulan Mei, MPC menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas lagi, mengambil kira pertumbuhan dalam negeri yang berdaya tahan dan pada masa yang sama kekal berwaspada terhadap risiko inflasi yang lebih tinggi daripada perubahan dasar dalam negeri, perkembangan pasaran kewangan dan harga komoditi global. Yang ketara, keadaan monetari dan pembiayaan domestik terus menyokong pengantaraan kewangan. Berikutan operasi mudah tunai BNM untuk mengurangkan baki semalaman yang tinggi yang bertujuan meningkatkan penemuan harga dalam pasaran antara bank, jumlah dagangan antara bank meningkat. Meskipun kadar antara bank dinaikkan menjelang akhir tahun 2023 dengan jangkaan persaingan untuk deposit akhir tahun, limpahan kepada keadaan kredit yang lebih luas adalah terhad.

Aliran kredit berterusan kepada sektor swasta bukan kewangan: Aktiviti pembiayaan kekal mampan, seiring dengan kadar pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat kepada 4.8% (2022: 4.7%), didorong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi, manakala bon korporat terkumpul mencatatkan kadar pengembangan yang lebih sederhana sebanyak 4.2% (2022: 4.6%). Pinjaman isi rumah, terutamanya untuk pembelian rumah dan kereta, merupakan pendorong utama pertumbuhan pinjaman. Pertumbuhan pinjaman disokong oleh guna tenaga yang stabil dan insentif kerajaan seperti lanjutan pengecualian duti setem. Sebaliknya, pinjaman perniagaan menurun pada separuh pertama tahun 2023 disebabkan oleh pertumbuhan pembiayaan modal kerja yang lebih perlahan oleh bukan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), namun meningkat semula selepas itu menjelang akhir tahun 2023 disokong oleh prospek perniagaan yang bertambah baik. Meskipun pertumbuhan pinjaman dalam kalangan bukan PKS adalah lebih lemah, aktiviti pembiayaan secara amnya kekal berterusan berikutan keadaan yang menggalakkan seperti yang dicerminkan oleh spread bon yang semakin mengecil. Secara keseluruhan, keadaan kredit kekal menyokong kegiatan ekonomi. Perkara ini disokong oleh kadar kelulusan pinjaman yang stabil, standard pemberian pinjaman yang terus berhemat dan kemudahan sokongan pembiayaan terus tersedia dalam memastikan aliran kredit yang berterusan kepada ekonomi.

Prospek dan Dasar pada tahun 2024

Pertumbuhan global yang mampan dalam keadaan inflasi yang terus menurun: Pada tahun 2024, pertumbuhan global dijangka terus mampan, disokong oleh inflasi yang menurun, pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan dalam perdagangan global. Faktor-faktor ini akan mengurangkan rintangan daripada dasar monetari yang terus ketat dan penamatan sokongan fiskal. Pertumbuhan perdagangan global dijangka meningkat semula pada tahun 2024, didorong oleh peningkatan kitaran teknologi, pemulihan sektor pelancongan dan kesan asas yang rendah pada tahun 2023. Meskipun begitu, sekatan perdagangan yang berterusan, peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan yang berterusan dan gangguan rantaian bekalan boleh menjejaskan pemulihan. Oleh itu, pertumbuhan perdagangan global dijangka kekal di bawah purata jangka panjangnya walaupun prestasinya adalah lebih baik berbanding tahun 2023.

Inflasi global dijangka terus menurun disebabkan terutamanya oleh disinflasi dalam ekonomi maju, sekali gus menyediakan ruang untuk bank-bank pusat melonggarkan dasar monetari. Walau bagaimanapun, ketidakpastian berhubung dengan trajektori pelonggaran dasar monetari global boleh menyumbang kepada volatiliti pasaran kewangan, terutamanya dengan perbezaan pandangan mengenai masa, magnitud dan kadar pelarasan dasar. Walau bagaimanapun, jangkaan pelonggaran keadaan kewangan global boleh mendorong pengimbangan semula portfolio kepada ekonomi sedang pesat membangun, yang berpotensi meningkatkan aliran modal ke dalam ekonomi di rantau ini. Prospek pertumbuhan global kekal berkemungkinan menjadi perlahan yang berpunca daripada inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan, keadaan kewangan yang lebih ketat dan situasi geopolitik yang semakin meruncing. Sebaliknya, perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh dalam ekonomi maju dan sokongan fiskal di China menimbulkan kemungkinan pertumbuhan global menjadi lebih tinggi.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4% hingga 5% pada tahun 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran: Pertumbuhan akan dipacu oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan tambahan daripada jangkaan pemulihan dalam eksport. Pelancongan dijangka terus bertambah baik, manakala pelaksanaan projek berbilang tahun yang baharu dan sedia ada oleh sektor swasta dan awam akan menyokong aktiviti pelaburan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam negeri masih tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan disebabkan oleh faktor luaran dan dalam negeri. Faktor luaran termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan konflik geopolitik yang semakin meruncing. Di dalam negeri, kejutan yang lebih teruk terhadap pengeluaran komoditi dan pelaksanaan rasionalisasi subsidi juga boleh menjejaskan prospek pertumbuhan, meskipun hal ini sebahagiannya boleh diimbangi oleh bantuan tunai bersasar daripada Kerajaan. Limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan dan pelaksanaan projek pelaburan sedia ada dan baharu yang lebih pantas akan menyebabkan kemungkinan pertumbuhan dalam negeri yang lebih tinggi.

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2% hingga 3.5% pada tahun 2024: Inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana berikutan tekanan kos yang terkawal susulan keadaan bekalan global yang

bertambah baik. Tekanan harga daripada perubahan cukai dan tarif utiliti dinilai mempunyai kesan yang sedikit terhadap inflasi keseluruhan. Selain itu, kesan susut nilai kadar pertukaran terhadap inflasi akan dibendung oleh harga yang ditadbir dan amalan penetapan harga yang agak stabil oleh syarikat. Inflasi teras juga dijangka menjadi sederhana, tetapi kekal melebihi purata jangka panjangnya. Tekanan permintaan yang terhad, sentimen jangka pendek yang stabil terhadap keadaan ekonomi dan pertumbuhan upah yang sejajar dengan peningkatan produktiviti boleh mengawal tekanan menaik kepada inflasi asas. Prospek inflasi kekal sangat bergantung pada risiko kenaikan inflasi disebabkan oleh potensi pelarasan harga terhadap barangan makanan dan tenaga, serta tekanan luaran daripada kadar pertukaran dan perkembangan harga komoditi global. Yang penting, julat unjuran inflasi telah mengambil kira beberapa potensi kenaikan daripada pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api. Kesan langsung terhadap inflasi keseluruhan mungkin akan luput dalam tempoh setahun, namun terdapat risiko yang lebih tinggi daripada kesan pindahan dan dinamik inflasi upah. Walau bagaimanapun, kesan jangka pendek akan bergantung pada jumlah, masa dan skop bantuan yang disasarkan. Sebaliknya, risiko prospek inflasi menurun berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah yang menjejaskan harga komoditi dan tekanan kos.

Keadaan monetari dan kewangan domestik kekal kondusif bagi aktiviti pengantaraan kewangan: Bekalan kredit dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh kesediaan bank-bank untuk terus memberikan pinjaman dalam keadaan pasaran modal yang kukuh. Permintaan kredit juga akan disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang bertambah baik. Memandangkan keadaan kewangan global semakin reda dalam keadaan dasar monetari yang semakin longgar di ekonomi maju, aliran masuk modal ke dalam ekonomi serantau mungkin meningkat berikutan perbezaan kadar hasil yang mengecil. Keyakinan pelabur global dan perkembangan projek infrastruktur utama yang stabil juga dijangka terus menyokong momentum positif dalam ekuiti Malaysia. Walaupun asas-asas ekonomi Malaysia adalah kukuh dan prospek pertumbuhan Malaysia adalah positif, nilai ringgit pada masa ini berada di bawah nilai saksama. Selain itu, pasaran kewangan menjangkakan tekanan terhadap ringgit akan berkurang berikutan ketidakpastian luaran yang semakin reda. Sebarang limpahan negatif daripada pasaran kewangan global kepada keadaan kewangan domestik dan kadar pertukaran akan kekal terurus. BNM kekal berwaspada terhadap perkembangan pasaran, dan pada masa yang sama memastikan mudah tunai yang mencukupi dan pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur. Selain menjalankan operasi pertukaran asing, BNM aktif berinteraksi dengan syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (government-linked *investment companies*, GLIC) untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan pelaburan asing mereka kepada ringgit secara lebih konsisten. BNM juga sedang mempertingkatkan libat urus dengan pelabur antarabangsa untuk mengetengahkan prospek positif dan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Tindakan ini menyumbang kepada aliran masuk yang lebih besar dan memberikan sokongan kepada ringgit.

Dasar monetari akan kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan serta memastikan persekitaran kestabilan harga: Pada tahun 2024, MPC akan terus menetapkan matlamat untuk memastikan pendirian dasar monetari yang menyokong ekonomi dan selaras dengan penilaian semasa prospek inflasi dan pertumbuhan, disebabkan oleh potensi perubahan dasar dalam negeri dan persekitaran luaran yang mencabar. Berikutan tahap ketidakpastian, MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan yang sedang berlaku dan implikasinya terhadap keseimbangan risiko berhubung dengan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2023

Rencana: *Inflasi Asas pada Terasnya* 42

Rencana: *Mengendalikan Kitaran Ekonomi: Interaksi antara Dasar Monetari dengan Dasar Fiskal* 52

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2023

2023: PERTUMBUHAN SEDERHANA DISOKONG OLEH PERMINTAAN DALAM NEGERI BERIKUTAN KETIDAKPASTIAN GLOBAL YANG MENINGKAT

Pertumbuhan global menjadi perlahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar

Pertumbuhan global menjadi perlahan pada tahun 2023 apabila dasar monetari yang ketat dan inflasi yang tinggi menjejaskan kegiatan ekonomi (Rajah 1.1). Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh pertumbuhan upah yang kukuh dan sokongan daripada lebihan simpanan yang lebih daripada mencukupi. Sejajar dengan permintaan yang lembap, perdagangan global menjadi lemah seiring dengan rintangan perdagangan lain seperti peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan, kitaran menurun teknologi global dan larangan perdagangan yang lebih ketat. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi China meningkat semula berikutan pembukaan semula sempadannya selepas COVID-19, meskipun sikap optimis dan momentum pemulihan ini hanya sementara. Walaupun inflasi keseluruhan mula mereda, penurunan dalam inflasi teras adalah lebih sederhana daripada jangkaan. Hal ini mendorong bank-bank pusat untuk mengekalkan kadar faedah pada paras yang tinggi.

Dalam ekonomi maju, pertumbuhan upah yang kukuh dan lebihan simpanan yang lebih daripada mencukupi telah memberi sokongan yang penting terhadap perbelanjaan pengguna. Hal ini sebahagiannya mengurangkan kesan daripada kadar faedah dan inflasi yang tinggi. Perbelanjaan fiskal, khususnya dalam bidang pertahanan, peralihan hijau dan subsidi tenaga, turut

Rajah 1.1: Pertumbuhan KDNK Benar dan Perdagangan Peringkat Global



a Anggaran

Nota: KDNK benar global ialah agregat pertumbuhan global mengikut wajaran pertukaran pariti kuasa beli (*purchasing power parity*, PPP), iaitu kadar matawang sesebuah negara yang perlu ditukar kepada matawang negara lain untuk membeli jumlah barangan dan perkhidmatan yang sama di setiap negara.

Sumber: World Economic Outlook (WEO) Januari 2024 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan anggaran Bank Negara Malaysia

menyokong permintaan dalam negeri. Amerika Syarikat (AS) mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2023 apabila pertumbuhan upah yang kukuh dalam keadaan pasaran pekerja yang ketat telah meningkatkan perbelanjaan pengguna. Kawasan euro menyaksikan pertumbuhan yang sederhana apabila harga gas dan inflasi yang tinggi memberikan kesan terhadap aktiviti perkilangan dan perbelanjaan isi rumah berikutan pertumbuhan pendapatan benar yang lemah. Jerman khususnya mencatatkan aktiviti perkilangan yang lebih lemah disebabkan oleh harga gas yang lebih tinggi dan kelemahan dalam permintaan luaran.

Pada bulan Mac 2023, tekanan perbankan di AS dan Eropah menimbulkan kebimbangan berkenaan dengan risiko penularan yang lebih meluas terhadap sistem kewangan global serta berpotensi menjejaskan pertumbuhan. Episod itu tercetus disebabkan oleh kegagalan Silicon Valley Bank di AS, dan kesannya melimpah ke Eropah, menyebabkan UBS mengambil alih Credit Suisse di Switzerland. Bank-bank pusat dan pihak

berkuasa penyeliaan perbankan pantas bertindak balas dengan menyediakan sokongan mudah tunai segera kepada bank-bank yang terjejas. Tindakan ini telah membendung limpahan kepada sistem perbankan global dan ekonomi yang lebih meluas.

Meskipun terdapat sikap optimis pada peringkat awal berikutan penamatan dasar sifar COVID-19 (*zero*-COVID-19) di China, ekonominya terjejas oleh permintaan luaran yang lebih perlahan dan kelemahan dalam sektor harta tanah. Isi rumah kekal berhati-hati dalam perbelanjaan dan terus meningkatkan simpanan. Tindakan ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan kekayaan yang negatif akibat penurunan harga yang berlarutan dalam sektor perumahan dan pasaran saham. Jualan kediaman dan rumah mula dibina menurun berikutan sentimen yang lemah dalam kalangan pembeli dan kesukaran mudah tunai dalam kalangan pemaju perumahan. Limpahan daripada pembetulan yang berlanjutan dalam pasaran harta tanah kepada kestabilan kewangan China telah dibendung memandangkan penampan modal yang lebih daripada mencukupi dalam kalangan institusi kewangan dan pelbagai langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi mengekang penurunan yang berterusan.[1] Walau bagaimanapun, keyakinan pengguna telah terjejas disebabkan oleh kemerosotan dalam pasaran harta tanah yang menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan di China.

Perdagangan global menurun pada tahun 2023, seiring dengan keadaan permintaan yang lebih lemah berikutan dasar monetari yang ketat dan inflasi yang tinggi. Perdagangan barangan semakin terjejas disebabkan oleh peralihan perbelanjaan yang terus berpindah daripada barangan kepada perkhidmatan (Rajah 1.2), kitaran menurun teknologi global,[2] permintaan dalam negeri yang lebih perlahan daripada jangkaan di China dan larangan perdagangan yang lebih ketat.[3] Walau bagaimanapun, permintaan yang semakin perlahan seiring dengan pembukaan semula ekonomi menyediakan ruang bagi keadaan rantaian bekalan untuk kembali normal. Masa penghantaran dan kadar pengangkutan kembali ke paras sebelum pandemik. Perdagangan barangan yang sederhana sebahagiannya diimbangi oleh pemulihan dalam aktiviti pelancongan global, disokong oleh permintaan terpendam (*pent-up demand*) yang kukuh, terutamanya pada separuh pertama tahun 2023 dan kapasiti penerbangan yang meningkat. Pada tahun 2023, ketibaan pelancong global pulih kepada 88% daripada paras sebelum pandemik dengan lebih banyak ruang untuk pemulihan bagi Asia Pasifik (65% daripada paras sebelum pandemik), memandangkan beberapa buah negara di rantau tersebut lebih lewat membuka sempadannya dan lebih berhati-hati berbanding dengan negara lain.[4]

Inflasi keseluruhan global menurun tetapi kekal tinggi berdasarkan standard sebelum ini, didorong oleh

Rajah 1.2: Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Dunia



Sumber: S&P Global

[1] Langkah-langkah ini termasuk mengurangkan kadar faedah bagi gadai janji terkumpul dan menyediakan mudah tunai kepada pemaju perumahan untuk menyiapkan projek sedia ada.

[2] Kitaran menurun teknologi global disebabkan oleh pembetulan dalam inventori global dan kelemahan dalam pesanan baharu kerana perbelanjaan untuk teknologi diawalkan semasa pandemik.

[3] Hal ini merujuk kepada larangan eksport oleh AS bagi cip semikonduktor canggih ke China dan tindak balas oleh China melalui kawalan eksport pada bahan logam yang diperlukan untuk pengeluaran semikonduktor di AS.

[4] Sumber: United Nations World Tourism Organisation Barometer (Januari 2024)

harga komoditi yang lebih rendah dan keadaan rantaian bekalan yang kembali normal. Namun begitu, wujud tekanan kenaikan harga yang bersifat sementara berikutan lonjakan harga komoditi disebabkan oleh faktor geopolitik dan keadaan cuaca yang ekstrem, terutamanya pada separuh kedua tahun 2023. Harga minyak terjejas oleh pengurangan pengeluaran yang diumumkan oleh OPEC+ dan pada permulaan konflik di Timur Tengah pada bulan Oktober tahun 2023. Walau bagaimanapun, keadaan ini mereda berikutan pengeluaran minyak yang tinggi dari negara-negara bukan OPEC. Secara keseluruhan, harga minyak mentah global sepanjang tahun 2023 kekal di bawah paras tertinggi pada bulan Jun 2022. Meskipun inflasi keseluruhan semakin sederhana, inflasi asas (seperti yang diukur oleh inflasi teras) kekal tinggi dan berterusan, lantas menyebabkan bank-bank pusat terus mengetatkan dasar monetari, walaupun pada kadar yang lebih perlahan dan kuantum yang lebih rendah berbanding dengan tahun 2022. Inflasi teras kekal tinggi disebabkan oleh inflasi perkhidmatan. Hal ini berikutan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, pertumbuhan upah yang lebih kukuh daripada jangkaan dan peralihan perbelanjaan yang berterusan daripada barangan kepada perkhidmatan telah meningkatkan tekanan terhadap harga, khususnya dalam ekonomi maju. Sementara itu, inflasi dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun mencapai paras purata jangka panjangnya lebih cepat daripada ekonomi maju berikutan tekanan inflasi dalam ekonomi sedang pesat membangun yang kurang ketara pada permulaannya (Rajah 1.3). Hal ini disebabkan oleh tekanan permintaan yang lebih rendah dan pasaran pekerja yang kurang ketat dalam ekonomi sedang pesat membangun berbanding dengan ekonomi maju selepas COVID-19. Inflasi yang lebih rendah di China juga merupakan satu lagi faktor yang menyumbang kepada tekanan inflasi yang lebih sederhana dalam ekonomi sedang pesat membangun. Faktor-faktor dalam negeri seperti permintaan yang sederhana, bekalan makanan yang mencukupi, kadar sewa yang rendah serta persaingan harga antara pembuat kenderaan elektrik telah menyebabkan harga pengguna yang lebih rendah di China.

Rajah 1.3: Inflasi Keseluruhan Global



Sumber: Pihak berkuasa negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan kewangan global didorong terutamanya oleh jangkaan haluan kadar dasar yang berubah-ubah bagi ekonomi utama berikutan prospek pertumbuhan dan inflasi yang berbeza

Pada tahun 2023, pasaran kewangan terus dipengaruhi oleh trajektori dasar monetari yang lebih ketat pada peringkat global. Bank-bank pusat bagi kebanyakan ekonomi maju terus menaikkan kadar faedah untuk mengawal inflasi yang kekal tinggi (Rajah 1.4). Khususnya, perbezaan antara jangkaan pasaran dengan pihak berkuasa monetari mengenai kadar dan tahap pengetatan merupakan punca utama volatiliti merentas kategori aset apabila jangkaan yang berubah-ubah menyebabkan pelarasan yang pesat dalam harga aset serta peralihan yang mendadak dalam aliran modal (Rajah 1.5 dan Rajah 1.6).

Rajah 1.4: Perubahan Kadar Dasar Ekonomi Terpilih



[1] Merujuk Kadar Kemudahan Deposit European Central Bank.
[2] Merujuk Kadar Kemudahan Pemberian Pinjaman Jangka Sederhana 1 tahun People's Bank of China.

Sumber: Bloomberg

Rajah 1.5: Indeks Volatiliti Pasaran Kewangan (CBOE VIX) berbanding Jangkaan Kadar Dasar Tersirat Pasaran Hadapan Federal Funds



— Indeks VIX CBOE — Jangkaan Federal Funds Rate (FFR)[1] (Skala kanan)

[1] Merujuk jangkaan FFR untuk mesyuarat FOMC seterusnya berdasarkan pasaran hadapan Federal Funds.

Sumber: Bloomberg

Rajah 1.6: Financial Condition Index Bloomberg AS



Nota: Financial Conditions Index Bloomberg AS menjejaki tahap keseluruhan tekanan kewangan dalam pasaran wang, bon dan ekuiti AS untuk membantu menilai ketersediaan dan kos kredit. Nilai positif menunjukkan keadaan kewangan yang akomodatif, manakala nilai negatif menunjukkan keadaan kewangan yang lebih ketat berbanding dengan keadaan sebelum krisis.

Sumber: Bloomberg

Pasaran kewangan memulakan tahun 2023 dengan sifat optimis didorong oleh pembukaan semula ekonomi China dan sentimen yang semakin kukuh bahawa kitaran kenaikan kadar faedah global akan berakhir. Walau bagaimanapun, sentimen pelabur berubah dengan kemunculan tekanan sektor perbankan yang disebabkan oleh kegagalan Silicon Valley Bank di AS dan Credit Suisse di Switzerland. Peristiwa ini menyebabkan kebimbangan berlakunya kemelesetan dan pembetulan yang ketara dalam pasaran saham di seluruh dunia. Peserta pasaran pada awalnya menjangkakan bahawa kadar faedah pasti akan diturunkan tetapi berubah arah kemudian apabila kemelut tersebut dapat dibendung.

Prospek haluan kadar faedah global menjadi semakin rumit disebabkan oleh prospek ekonomi dan inflasi yang berbeza, khususnya antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun. Sepanjang tahun 2023, jangkaan limpahan yang positif daripada pembukaan semula China semakin berkurang. Tanda-tanda kelemahan ekonomi muncul, mendorong People's Bank of China melonggarkan dasar monetari. Sebaliknya, bank-bank pusat di negara ekonomi maju termasuk Federal Reserve AS (US Fed) memberikan isyarat bahawa kadar faedah mungkin perlu kekal pada paras yang tinggi untuk tempoh yang lebih lama bagi menurunkan inflasi ke paras yang disasarkan. Akibatnya, kadar hasil bon global melonjak antara bulan September hingga Oktober 2023 apabila pasaran menjangkakan kemungkinan besar bahawa haluan kadar faedah lebih tinggi untuk jangka masa lebih lama, dengan US Treasuries 10 tahun naik ke paras tertinggi sebanyak 5% sejak Krisis Kewangan Global 2007–08. Keadaan kewangan yang ketat dan dolar AS yang kekal kukuh menyebabkan tekanan terhadap kadar pertukaran dalam kebanyakan mata wang pasaran sedang pesat membangun (Rajah 1.7).

Menjelang akhir tahun 2023, ketegangan geopolitik yang tercetus semula di Timur Tengah mendorong ketidakpastian baharu serta kebimbangan mengenai gangguan dalam pasaran komoditi. Namun demikian, dengan data baharu yang menunjukkan inflasi AS yang lebih sederhana, keadaan kewangan menjadi reda apabila peserta pasaran mengubah jangkaan haluan kadar dasar menjadi lebih rendah pada masa hadapan. Keadaan ini disokong selanjutnya oleh isyarat daripada US Fed bahawa kitaran pengetatan semasa dijangka menghampiri paras tertinggi. Menurut unjuran yang dikeluarkan pada mesyuarat akhir Federal Open Market Committee (FOMC) 2023, pengurangan kadar faedah dijangka bermula pada tahun 2024 meskipun ketidakpastian berkaitan tempoh kitaran kelonggaran terus wujud.

Rajah 1.7 : Kadar Hasil Perbendaharaan AS 10 Tahun dan Indeks Dolar AS



Nota: Indeks dolar AS ialah indeks nilai dolar AS berbanding sekumpulan mata wang asing, iaitu EUR (57.6%), JPY (13.6%), GBP (11.9%), CAD (9.1%), SEK (4.2%), dan CHF (3.6%).

Sumber: Bloomberg

Pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh rintangan luaran, tetapi limpahan terhadap pengantaraan kewangan dan ekonomi yang lebih meluas telah dibendung

